

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2022/2023

NAMA KURSUS : TERMODINAMIK

KOD KURSUS : BBM 20203

KOD PROGRAM : BBA / BBD / BBG

TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI/OGOS 2023

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN

1. JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN DARI ENAM (6) SOALAN YANG DISEDIAKAN.
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.
3. PELAJAR **TIDAK DIBENARKAN** MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKASURAT

SULIT

TERBUKA

SULIT

BBM20203

- S1** Bagi H_2O , tentukan sifat berikut berdasarkan maklumat yang diberikan. Lakarkan gambarajah fasa P-v dan T-v bagi menunjukkan keadaan fasa bagi setiap soalan.
- Tentukan tekanan (P) dan kualiti wap (x) jika suhu (T) = $140^{\circ}C$ dan entalpi tentu (h) = 1800 kJ/kg.
(5 markah)
 - Tentukan entalpi (h) dan keadaan fasa jika suhu (T) = $80^{\circ}C$ dan tekanan (P) = 500 kPa.
(5 markah)
 - Tentukan suhu (T) dan keadaan fasa jika tekanan (P) = 800 kPa dan entalpi (h) = 3100 kJ/kg.
(5 markah)
 - Tentukan isipadu tentu (v) dalam keadaan fasa cecair termampat jika tekanan (P) = 5 bar, dan suhu (T) = $120^{\circ}C$.
(5 markah)
 - Tentukan tenaga dalam (u) dan keadaan fasa jika tekanan (P) = 215 bar dan suhu $430^{\circ}C$.
(5 markah)
- S2**
- Terangkan persamaan antara Kenyataan Clausius dengan Kenyataan Kelvin-Plank bagi Hukum Kedua Termodinamik.
(5 markah)
 - Peti sejuk mengekalkan suhu ruang peti sejuk pada $-5^{\circ}C$ apabila udara sekeliling peti sejuk adalah pada $22^{\circ}C$. Kadar pemindahan haba dari peti sejuk beku kepada cecair penyejuk ialah 8000 kJ/j dan input kuasa yang diperlukan untuk mengendalikan peti sejuk ialah 3200 kJ/j. Tentukan pekali bagi prestasi peti sejuk dan bandingkan dengan pekali prestasi kitaran penyejukan boleh balik yang beroperasi antara takungan pada suhu yang sama.
(20 markah)

SULIT**TERBUKA**

SULIT

BBM20203

- S3**

 - a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan gas unggul?
(5 markah)
 - b) Udara terkandung dalam peranti silinder omboh tanpa geseran dalam keadaan menegak seperti **Rajah S3(b)**. Omboh mempunyai jisim sebanyak 3.2 kg dan luas keratan rentas 35 cm^2 . Spring termampat di atas omboh mengenakan daya 150 N pada omboh. Jika tekanan atmosfera ialah 95 kPa, tentukan tekanan di dalam silinder.
(20 markah)

S4

 - a) Nyatakan Hukum Sifar Termodinamik. Terangkan hubungan antara Hukum Sifar Termodinamik dengan Hukum Pertama Termodinamik
(5 markah)
 - b) 5 kg campuran wap cecair tepu H_2O terkandung dalam alat silinder omboh pada 100 kPa. Pada mulanya, 2 kg H_2O berada dalam fasa cecair dan selebihnya dalam fasa wap. Haba kini dibekalkan ke H_2O , dan omboh, yang terletak pada satu penahan (*stopper*), mula bergerak apabila tekanan di dalam mencapai 125 kPa. Pemindahan haba berterusan sehingga jumlah isipadu tiga kali ganda dari keadaan asal. Lakarkan proses yang berlaku pada gambar rajah P-v, kemudian tentukan:
 - i) Jisim cecair H_2O apabila omboh mula-mula mula bergerak
 - ii) Kerja yang dilakukan semasa proses ini.
(20 markah)

S5

 - a) Nyatakan lima (5) contoh tenaga mikroskopik.
(5 markah)
 - b) Pemampat berkuasa 25 kW digunakan untuk meningkatkan tekanan wap tepu pada 140°C kepada 1.2 MPa. Wap meninggalkan pemampat pada suhu 280°C . Jika kadar aliran wap ialah 3.7 kg/min,
 - i) kira kadar kehilangan haba daripada pemampat.
 - ii) Andaikan wap berkelakuan sebagai gas ideal, tentukan peratus ralat dalam kehilangan haba yang terhasil.
(20 markah)

SUIT

TERBUKA

SULIT

BBM20203

- S6**



a) Apakah yang dimaksudkan dengan kitar termodinamik? Terangkan dua (2) kategori kitar termodinamik. (5 markah)

b) Dua kilogram air pada 25°C diletakkan di dalam alat silinder omboh di bawah tekanan 3.2 MPa seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah S6(b)**. Haba ditambah kepada air pada tekanan tetap sehingga suhu wap mencapai 350°C . Tentukan kerja yang dilakukan oleh bendalir (W) dan haba yang dipindahkan ke bendalir (Q) semasa proses ini. (20 markah)

- SOALAN TAMAT -

SULIT

TERBUKA

PEPERIKSAAN AKHIRSEMESTER/SESI : SEM 2 / 2022/2023
NAMA KURSUS : TERMODINAMIKKOD PROGRAM : BBA/BBD/BBG
KOD KURSUS : BBM20203**RAJAH S3 (b)****RAJAH S6 (b)**